

## **PENGUNAAN PETA MINDA DALAM MENINGKATKAN PRESTASI PENULISAN KARANGAN NARATIF BAHASA CINA DALAM KALANGAN MURID TAHUN 5 SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN**

Oleh

**Wong Pui Chze**

### **ABSTRAK**

*Kajian tindakan ini bertujuan menambahbaik pengajaran penulisan karangan naratif Bahasa Cina melalui penggunaan peta minda di samping melihat sejauhmanakah peta minda membantu murid-murid Tahun 5 dalam penulisan karangan naratif bahasa Cina. Instrumen kajian yang digunakan termasuk borang pemerhatian, temu bual dan latihan murid. Data dikumpul dan dianalisis antara lainnya melibatkan penggunaan peratusan markah untuk latihan murid. Keputusan Latihan 2 mencadangkan peta minda dapat menambahbaik penulisan karangan naratif Bahasa Cina murid-murid berkenaan selain menambah pengajaran penulisan karangan naratif Bahasa Cina.*

### **1.0 Siapa Saya**

Saya adalah seorang guru pelatih Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Batu Lintang yang berpraktikum di salah sebuah sekolah jenis kebangsaan di Kuching, Sarawak. Praktikum ini merupakan praktikum fasa kedua. Sekolah ini pula merupakan sekolah gred A yang terletak di pinggir bandar. Walau bagaimanapun, pencapaian murid-murid sekolah ini tidak setanding dengan murid-murid sekolah gred A di bandar kerana kebanyakan murid di sekolah ini berasal dari keluarga yang sederhana pendapatan dan tidak berpendidikan tinggi. Selain itu, terdapat juga murid-murid yang menghadapi masalah keluarga sehingga mereka tidak dapat belajar dengan baik. Sepanjang praktikum dijalankan, saya telah mengajar dua subjek iaitu Bahasa Cina Tahun 5 dan Pendidikan Jasmani Tahun 2. Fokus pengajaran dan pembelajaran (p&p) untuk praktikum ini bagi subjek Bahasa Cina pula adalah pembelajaran karangan yang mana menjadi fokus kajian tindakan saya.

### **1.2 Keprihatinan Saya**

Sepanjang praktikum, saya mendapati ramai murid yang merungut bahawa adalah susah untuk menulis karangan naratif dalam Bahasa Cina. Sebahagian besar murid tidak dapat menghasilkan karangan naratif yang berkualiti. Isi yang dihuraikan berulang-ulang atau kekurangan isi. Jika masalah ini tidak ditangani dengan secepat mungkin, murid tidak akan dapat menguasai kemahiran menulis dan ini akan menjejaskan keputusan

dalam peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) pada masa akan datang. Oleh itu, saya telah mengambil beberapa inisiatif agar pengajaran saya dapat memberi kesan yang positif terhadap pembelajaran dan pencapaian anak murid saya. Justeru, saya membuat keputusan untuk menggunakan peta minda untuk membantu mereka menambahbaik penulisan karangan naratif mereka.

### **1.3 Tujuan Kajian**

Tujuan kajian adalah untuk:

- menambahbaik penulisan karangan naratif Bahasa Cina dalam kalangan murid Tahun 5 melalui penggunaan peta minda dalam proses saya menambahbaik amalan pengajaran penulisan karangan Bahasa Cina.

### **1.4 Persoalan Kajian**

Saya telah memikirkan beberapa persoalan sebelum memulakan kajian ini. Antara persoalan-persoalan tersebut ialah:

- Sejauh manakah penggunaan penggunaan peta minda dapat meningkatkan prestasi penulisan karangan naratif Bahasa Cina di kalangan murid Tahun 5 dan menambah baik amalan saya?

## **2.0 Tindakan Saya**

Sebelum menjalankan kajian, saya telah berbincang dengan pihak pentadbir sekolah untuk mendapatkan maklumat dan memohon kebenaran untuk menjalankan kajian di sekolah itu. Saya juga berjumpa, berbincang serta minta bantuan pensyarah penyelia. Kajian ini dijalankan dalam lima peringkat langkah.

### ***Langkah Pertama: Mengenal pasti Masalah***

Tinjauan masalah telah dibuat bagi memperincikan masalah yang dihadapi oleh murid dalam menjana dan mencatat isi-isi penting semasa mengarang dalam penulisan naratif Bahasa Cina. Masalah pembelajaran yang dihadapi oleh murid ditinjau melalui pemerhatian dan Latihan 1 seperti yang ditunjukkan pada Lampiran A.

#### **a. Pemerhatian**

Pemerhatian telah dibuat terhadap responden semasa pengajaran penulisan Bahasa Cina. Ianya bertujuan untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh murid-murid semasa mencari dan mencatat isi-isi penting semasa karangan naratif dalam Bahasa Cina.

#### **b. Soalan latihan**

Latihan 1 telah diberikan kepada responden pada minggu pertama bagi mendapatkan gambaran awal responden tentang tahap penguasaan menjana dan mencatat isi-isi penting semasa mengarang karangan Bahasa Cina.

**Langkah Kedua: Merancang Pelan Tindakan**

Saya telah mengenal pasti masalah sebenar yang dihadapi oleh murid dengan berdasarkan hasil daripada tinjauan awal serta analisis daripada Latihan 1. Saya merancang satu pelan tindakan untuk menangani masalah yang dikenal pasti dengan pengaplikasian penggunaan peta minda dalam proses p&p penulisan karangan naratif Bahasa Cina.

**Langkah Ketiga: Melaksanakan Tindakan**

Saya melaksanakan tindakan dengan mengikut perancangan tindakan iaitu menggunakan dua waktu (1 jam) yang diperuntukkan pada hari Khamis dalam minggu kedua untuk melaksanakan pengajaran penulisan Bahasa Cina menggunakan peta minda.

**Langkah Keempat: Latihan 2 dan Menganalisis**

Latihan 2 (Sila rujuk Lampiran A) telah dijalankan pada hari Khamis dalam minggu yang ketiga untuk mendapatkan maklumat sejauh manakah penggunaan peta minda dapat meningkatkan kemahiran menjana dan mencatat isi-isi penting dalam penulisan naratif Bahasa Cina. Di samping itu, pemerhatian juga dijalankan di sepanjang proses selepas pengaplikasian penggunaan peta minda adalah untuk meninjau sama ada teknik ini dapat membantu pelajar.

**Langkah Kelima: Mereflek dan menilai**

Saya telah membuat refleksi dan menilai data-data yang dikumpulkan dan meninjau keberkesanan penggunaan peta minda yang telah dilaksanakan.

Saya melaksanakan kajian ini bermula dari awal bulan Ogos hingga penghujung bulan September 2008. Saya juga mengenal pasti 40 orang murid sebagai peserta kajian. Pengajaran menggunakan peta minda telah dilaksanakan untuk 2 waktu (1 jam) pada salah satu hari dalam minggu pertama. Satu waktu (30 mimit) diperuntukkan untuk perbincangan dan satu waktu (30 mimit) lagi untuk mengarang. Penilaian (Latihan 2) telah dibuat terhadap kesan teknik melalui ujian pada minggu ketiga dalam tempoh kajian ini.

Langkah-langkah p&p yang telah digunakan adalah seperti berikut:

Set induksi: Bersoal jawab tentang tajuk.

Langkah 1: Perbincangan tentang peta minda untuk menjana dan mencatat isi-isi penting.

Langkah 2: Perbincangan tentang struktur karangan berbentuk naratif (Binaan plot) dan perenggan pendahuluan.


Langkah 3: Mencatat isi-isi penting mengikut plot kronologis dengan menggunakan peta minda yang dicadangkan

Langkah 4: Perbincangan tentang perenggan penutup.

Langkah 5: Latihan mengarang  
Penutup: Rumusan tentang tajuk

Saya memulakan langkah p&p dengan menyoal murid-murid tentang perkara yang berkaitan dengan tajuk karangan untuk menarik minat dan perhatian mereka.

Sebagai langkah pertama, saya menerangkan kepada murid-murid tentang apa itu karangan naratif. Selepas itu, saya menerangkan tentang penggunaan peta minda (untuk p&p pertama kali menggunakan kaedah ini) seperti yang ditunjukkan pada Rajah 1.



Rajah 1: Contoh peta minda

Saya menjelaskan kepada murid-murid bahawa secara fizikalnya peta minda ini berbentuk seperti anak-anak ranting yang keluar daripada satu rumpun dan digunakan untuk mencatat isi-isi penting yang berkaitan dengan tajuk.

Untuk langkah kedua, saya memulakan perbincangan dengan membincangkan perenggan pendahuluan. Saya menjelaskan kepada murid-murid bahawa dalam perenggan pendahuluan, murid-murid boleh menggunakan perkataan sendiri untuk menerangkan tentang tajuk atau mengemukakan isi semasa yang berkaitan dengan tajuk. Sebagai contoh dalam karangan yang bertajuk “故事书不见的经过” Seterusnya, saya telah membincangkan tentang struktur karangan naratif.

Struktur karangan naratif( Binaan plot):

Binaat plot dalam sesebuah cerita mempunyai struktur umum yang dapat dibahagikan kepada 3 peringkat seperti berikut.

(a) Eksposisi/Permulaan

- Digunakan untuk memperkenalkan watak
- Memperkenalkan watak utama dan perwatakannya
- Gambaran/suasana latar tempat dan masyarakat

(b) Perkembangan

- watak utama dan watak-watak yang lain saling berhubungan dan mewujudkan cerita yang semakin berkembang.
- Pesolan-persoalan turut dimuatkan oleh pengarang.

(c) Peleraian

- Watak utama berjaya mengatasi atau menyelesaikan konflik yang memuncak dalam dirinya.
- Cerita akan berakhir.

Langkah ketiga ialah mencari isi-isi penting mengikut plot kronologis dengan menggunakan peta minda seperti yang ditunjukkan pada Rajah 1.

Plot kronologis (Konvensional)

- Plot dibina menurut urutan masa iaitu yang dahulu didahulukan dan kemudian dikemudiankan.
- Sebuah plot konvensional mempunyai 3 tahap yang utama iaitu:
  - ✓ Permulaan
  - ✓ Klimaks
  - ✓ Penyelesaian

Sehari sebelum memulakan pengajaran, saya memberitahu murid tentang jenis karangan dan tajuk yang akan diajar supaya mereka membuat rujukan tentang format dan tajuk tersebut. Dengan ini, murid-murid sudah terdapat gambaran tentang apa yang akan dibincangkan nanti.

### **3.0 Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini adalah berbentuk kajian tindakan yang bertujuan untuk meningkatkan kemahiran mencatat isi-isi penting dalam penulisan karangan naratif Bahasa Cina di kalangan pelajar Tahun 5 dengan menggunakan peta minda.

Untuk mencapai objektif kajian ini, saya menggunakan beberapa teknik seperti pemerhatian, temu ramah dan Latihan 1 serta Latihan 2.

Oleh kerana kajian ini hanya ditujukan kepada sebuah sekolah, hanya kelas yang saya ajar sahaja iaitu murid Tahun 5 sahaja yang dikaji. Murid-murid tidak dipilih dan diagih secara rawak kepada kumpulan kawalan dan eksperimen.

### **3.1 Peserta kajian**

Kajian ini dijalankan di salah sebuah sekolah rendah di kawasan Kuching, Sarawak. Saya memilih 40 orang murid Tahun 5 sebagai peserta kajian.

### **3.2 Teknik Mengumpul Data**

Untuk mengetahui tahap pencapaian murid, markah Latihan 1 merupakan maklumat awal bagi saya. Maklumat ini dianalisis untuk memberi gambaran yang jelas terhadap pencapaian responden. Temu bual diadakan dengan murid-murid yang dipilih. Selain itu, Latihan 1 dan Latihan 2 diedarkan untuk dibuat dalam kelas semasa waktu pengajaran.

### **3.3 Teknik Menganalisis Data**

#### **3.3.1 Latihan 1 dan Latihan 2**

Latihan 1 dan Latihan 2 dianalisis dan ditafsir berdasarkan kategori gred markah seperti yang ditunjukkan pada Jadual 1.

Jadual 1: Kategori Gred Markah

Kategori Gred	Markah
A Cemerlang	80 -100
B Baik	60 - 79
C Sederhana	40 - 59
D Tidak memuaskan	0 - 39

#### **3.3.2 Borang pemerhatian**

Borang pemerhatian telah dianalisis dengan menggunakan peratusan, iaitu dengan membandingkan peratus bilangan murid yang dapat menggunakan peta minda semasa mengarang karangan naratif Bahasa Cina.

#### **3.3.3 Borang temu bual**

Borang temu bual dianalisis menggunakan peratusan, iaitu dengan membandingkan pendapat murid tentang penggunaan peta minda semasa mengarang karangan naratif Bahasa Cina.

### **4.0 Dapatan Kajian dan Refleksi**


Pada minggu pertama, murid diminta menulis satu karangan naratif (Latihan 1) dengan cara sendiri. Semasa latihan ini dijalankan, saya dapat memperhatikan bahawa terdapat murid menggenggam pen dan terus mula mengarang. Terdapat segelintir murid masih fikir apa yang harus ditulis. Ada juga murid yang berbincang dengan rakan-rakan di sebelah. Apa yang menarik pada ketika itu ialah saya ternampak seorang murid mula memikirkan isi-isi penting dengan melukis peta minda. Terdapat beberapa orang murid

menjana idea dengan kaedah *Point Form* dan yang lain tidak berbuat apa-apa sebelum mulanya mengarang. Mereka terus tulis apa yang ingin ditulis. Apabila saya lihat keadaan ini berlaku, saya memberi bimbingan kepada mereka yang tidak tahu apa yang hendak tulis.

Pada minggu seterusnya, peta minda didedahkan dalam pengajaran mengarang karangan naratif. Didapati 60 peratus (%) murid dapat menerima penggunaan peta minda dengan segera. Saya dapat memperhatikan mereka faham dengan konsep peta minda melalui latihan selepas itu. Selain itu, dari reaksi murid, saya dapat lihat bahawa kebanyakan daripada mereka suka dengan peta minda. Ini adalah kerana dalam kalangan mereka yang menggunakan cara sendiri untuk menjana dan mencatat isi-isi sudah mula menggunakan kaedah peta minda.

Latihan 2 diberi kepada murid-murid untuk mengesan penggunaan peta minda. Selepas perbincangan, kebanyakan murid dapat menulis karangan naratif dengan menggunakan peta minda tanpa bantuan orang lain. Dari sini, saya dapat lihat ramai murid yang telah menguasai kaedah ini. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa orang murid yang lemah mengarang belum dapat menguasai kaedah tersebut. Oleh yang demikian, saya menggalakkan murid yang lain membantu mereka.

Sepanjang masa itu, saya dapat lihat 90% daripada murid dapat menghasilkan karangan naratif dengan menggunakan peta minda dalam masa 30 minit. Dari sini, saya dapat lihat penggunaan peta minda dapat membantu murid-murid menjana idea dengan berkesan. Responden (R) 1 mengakui peta minda dapat membantu beliau secara berkesan. Ini disebabkan semua isi telah ditulis dalam peta minda adalah sangat jelas. Beliau hanya perlu sambungkan isi dengan kata hubung yang sesuai. Beliau juga berkata isi yang telah dicatat dalam peta minda jelas dan beliau tidak perlu membuang masa untuk berfikir semula idea yang mungkin tertinggal semasa mengarang. Gambar 1 dan 2 menunjukkan hasil kerja R1 untuk Latihan 2.



Gambar 1 dan 2: Hasil Latihan 2 bagi R1

Dari hasil kerja (Latihan 2) yang dihantar juga, diperhatikan murid-murid dapat menggunakan peta minda untuk mencatat isi-isi penting dengan jelas. Ini bermakna mereka telah sedar kelebihan kaedah ini dan mula menguasainya. Selain isi yang jelas, 80% daripada hasil kerja murid juga berstruktur dan mempunyai isi yang padat, tiada isi yang tertinggal yang boleh merosakkan susunan isi.

Pada keseluruhannya, keputusan yang dapat dari pemerhatian adalah selari dengan keputusan temu bual iaitu peta minda dapat menambah baik penulisan karangan naratif Bahasa Cina dalam kalangan murid Tahun 5. Secara langsung, kaedah ini juga mempertingkatkan kualiti pengajaran penulisan karangan naratif.

Berdasarkan analisis markah Latihan 1, didapati dua orang sahaja iaitu R2 dan R6 mendapat gred A. R4, R5 dan R9 mendapat gred B dan murid-murid yang lain mendapat gred C. Ini menunjukkan 10 orang murid mempunyai prestasi yang berbeza dalam penulisan naratif. Ini adalah kerana mereka menggunakan kaedah yang berlainan untuk mencari, menjana dan mencatat isi-isi penting sebelum mula mengarang. Terdapat beberapa orang responden yang tidak menggunakan mana-mana kaedah untuk mencatat isi-isi yang ingin ditulis.

Selain itu, dua latihan diberikan kepada responden iaitu Latihan 1 dan Latihan 2. Latihan 1 diberi tanpa pendedahan peta minda manakala Latihan 2 diberi dengan pendedahan peta minda.

Latihan 1 diberikan kepada responden bagi mendapatkan gambaran awal responden tentang tahap penguasaan mencari isi-isi penting semasa mengarang karangan Bahasa Cina. Latihan ini diadakan pada hari Khamis dalam minggu pertama.

Latihan 2 pula diberi pada hari Khamis dalam minggu ketiga untuk mendapatkan maklumat sejauh manakah penggunaan peta minda dapat meningkatkan kemahiran mencari isi-isi penting dalam penulisan naratif Bahasa Cina. Di samping itu, pemerhatian juga dijalankan di sepanjang proses selepas pengaplikasian penggunaan peta minda untuk meninjau sama ada ia dapat membantu responden.

Setelah saya dapat keputusan Latihan 1, saya sedar bahawa saya perlu memberi bimbingan yang lebih kepada murid yang kurang mahir dalam mengarang. Pada masa itu, saya penuh dengan keraguan tentang kesesuaian pendedahan peta minda kerana separuh daripada murid mendapat C dalam Latihan 1. Saya khuatir peta minda membebankan mereka. Akan tetapi, saya ingin cuba mendedahkan teknik ini.



Berdasarkan analisis markah Latihan 1, didapati markah semua murid meningkat setelah peta minda didedahkan kecuali untuk R10. Ini adalah kerana murid ini tidak menumpu perhatian yang sepenuhnya semasa saya embuat penjelasan tentang penggunaan peta minda. Selain itu, markah penulisan murid tersebut tidak stabil pada setiap ujian. Kadang kala markah murid tersebut akan turun ke gred D.

Walau bagaimanapun, keputusan Latihan 2 menggembirakan saya. Hampir semua murid dapat mengaplikasikan peta minda. Selain itu, prestasi mereka dalam Latihan 2 jelas nampak peningkatan yang menunjukkan kesan pendedahan peta minda dalam karangan naratif.

Sebanyak 90% daripada murid dapat menghasilkan suatu karangan naratif yang isinya padat dan tersusun dengan kaedah peta minda. Oleh yang demikian, saya dapati peta minda ini adalah satu cara yang baik dan juga berkesan untuk menghasilkan satu karangan naratif dalam Bahasa Cina. Pada masa yang sama, dapatan ini adalah sependapat dengan Vanessa Steele tentang penggunaan peta minda.

Menurut Vanessa Steele (2005),

“Making a mind map should be a spontaneous pre-writing activity. Students start with a topic at the centre and then generate a web of ideas from that, developing and relating these ideas as their mind makes associations. Mind maps work well as their visual design enables students to see the relationship between ideas, and encourages them to group certain ideas together as they proceed. Mind maps work especially well when created in groups, since the discussion this engenders aids the production of ideas, and makes the task livelier and more enjoyable.”

Peta minda dapat membantu murid semasa menjana idea dan menghubungkan idea-idea supaya menjadi satu karangan yang baik. Peta minda mendorong murid nampak dengan jelas hubungan antara idea-idea dan tidak tertinggal mana-mana idea yang ingin disampaikan.

Data yang dikumpul menunjukkan peta minda dapat membimbing murid dengan jelas tentang penyambungan idea untuk menghasilkan karangan naratif yang padat dan tersusun. Hasil kajian yang didapati adalah selari dengan kajian-kajian lepas yang telah dilakukan. Contohnya, dalam kajian lepas Chia Ying et al.(2003), konsep peta minda memaparkan ciri-ciri yang mendorong penghasilan penulisan yang padat isi serta struktur teratur. Ia dapat mengatasi masalah umum yang dihadapi murid di sekolah SJK(C), iaitu murid lemah dalam penguasaan kemahiran penulisan karangan, kebanyakan murid takut mengarang.

Selain itu, Zalekha binti Haji Elle (2005) dalam kajian lepas juga mengkaji tentang perkaitan antara prestasi murid dalam penulisan Bahasa Melayu dengan penggunaan peta minda dan kata soal, murid-murid yang diberi pendedahan peta minda telah dapat mengaplikasi kaedah ini dengan jayanya dengan menghasilkan karangan naratif yang tersusun dan kemas. Pada masa yang sama, mereka juga mendapat markah yang lebih tinggi dalam penulisan naratif mereka.

Hasil kajian ini adalah selari dengan beberapa dapatan kajian lepas dan juga beberapa teori yang disokong oleh pengkaji tentang kelebihan penggunaan peta minda. Oleh yang demikian, jelas bahawa minda dapat memberi kesan yang positif terhadap prestasi karangan naratif Bahasa Cina murid-murid Tahun 5 di sekolah ini.

## **5.0 KESIMPULAN**

Keputusan kajian ini mendapati peta minda memberi kesan positif ke atas penulisan karangan naratif Bahasa Cina. 90% daripada murid dapat menghasilkan suatu karangan naratif yang isinya padat dan tersusun dengan peta minda. Peta minda dapat membantu murid menjana idea dan menghubungkan idea-idea supaya menjadi satu karangan yang baik. Peta minda juga mendorong murid nampak dengan jelas hubungan antara idea-idea dan tidak tertinggal mana-mana idea yang ingin disampaikan.

Pada masa yang sama, saya berpeluang menggunakan peta minda dalam sesi p&p berkaitan dengan penulisan karangan naratif Bahasa Cina. Ini merupakan satu usaha ke arah mencuba-cuba teknik yang ada ke arah peningkatan kemahiran mengajar penulisan karangan naratif Bahasa Cina dalam usaha membantu anak murid saya semas praktikum.

## **Bibliografi**

- Chia-Ying, L., Yeat-Eng, C. & Fui-Tze, C. (2003). *Penggunaan peta minda dalam pengajaran dan pembelajaran karangan bergambar Bahasa Cina*. Kota Kinabalu: MPG.
- Steele, V. (2005). Using Mind Maps to Develop Writing. Dimuat turun daripada <http://cikgumanaf.blogspot.com/2007/12/tujuh-langkah-tugasan-penulisan.html>
- Zalekha binti Haji Elle (2005). Meningkatkan prestasi murid Tahun 5 Jaya dalam penulisan Bahasa Melayu menggunakan Kaedah Minda dan Kata Soal. *Prosiding Seminar Penyelidikan Tindakan tahun 2005*. Kuching : Maktab Perguruan Batu Lintang.

### Latihan 1

试以下一题，以不少过 80 个字写一篇完整的作文。

a) 故事书不见的经过

- 叙述故事书不见的起因。
- 叙述故事书不见的情节。
- 叙述故事书不见的感想。

### Latihan 2

试以下一题，以不少过 80 个字写一篇完整的作文。

野餐记

- 叙述野餐的地点及出发前的情景。
- 叙述抵达海边的情景及所进行的活动。
- 描述上岸吃东西的情形。
- 归途与感想。